

MFLS mampu lahir ramai pemimpin bertaraf dunia

> Dr Mahathir yakin program kekal nilai Timur, tingkat disiplin diri

Oleh Mohd Azis Ngah
azis@bh.com.my

> Kuala Lumpur

Malaysia mampu melahirkan ramai pemimpin bertaraf dunia yang mengekalkan nilai Timur menerusi program Sekolah Kepemimpinan Masa Depan Malaysia (MFLS), kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Malaysia perlu mencontohi kejayaan Jepun dan Korea Selatan yang membuktikan mereka lebih bagus daripada negara Barat dalam sektor tertentu.

"Saya cukup yakin kita mampu lahirkan ramai pemimpin bertaraf antarabangsa yang masih mengekalkan nilai-nilai Timur. Ia akan bermula di sini (MFLS), kita mesti kerja kuat, tidak boleh berputus asa dan



Dr Mahathir diiringi Syed Saddiq merasmikan MFLS di Kuala Lumpur, malam tadi.

mesti mencuba berulang kali jika gagal.

"Kita mesti yakin kita berupaya dan mampu menjadi lebih baik daripada yang lain," katanya ketika berucap merasmikan MFLS di Universiti Malaya (UM) di sini yang turut dihadiri Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman, malam tadi.

Bagi mencapai matlamat itu, Dr Mahathir berkata, peserta MFLS perlu sentiasa mengekal-

kan tahap disiplin tinggi, mementingkan kualiti, menerapkan nilai-nilai positif serta mempunyai semangat patriotik tinggi.

MFLS ganti PLKN, BTN

MFLS menggantikan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dan Biro Tata Negara (BTN) bermatlamat melahirkan pemimpin muda berwawasan yang berintegriti dan beramanah. Seramai 500,000 pelajar berusia 15

dan 17 tahun akan dipilih di peringkat sekolah untuk menyertai saingan pertama (Tier 1).

Daripada jumlah itu, 35,000 peserta akan dipilih ke Tier 2 untuk menyertai latihan di 16 Kem Wawasan di seluruh negara. Selepas latihan 10 hari, hanya 200 peserta terbaik akan dipilih untuk mendapat pendedahan di semua bidang berkaitan termasuk politik, perniagaan dan kemasyarakatan.

Dr Mahathir berkata, hasil kejayaan membentuk generasi pemimpin muda itu nanti bakal memberi faedah dan kesan besar kepada negara.

"Kita perlu bersedia dengan ledakan Revolusi Perindustrian 4.0. Memang ada kesan negatif daripada perkembangan teknologi ini, tetapi bagaimana kita mahu pastikan ia sentiasa beri manfaat atau kesan positif. Sumber rujukan anak muda sekarang ialah internet dan media sosial tanpa menyiasat adakah fakta itu betul atau tidak.

"Pemimpin yang bijak sentiasa menjadikan semua itu sebagai cabaran, sentiasa bersedia kerana mereka berpegang kepada nilai-nilai murni yang menjadi amalan dan budaya masyarakat," katanya.